

Pensyarah USIM dakwa terpaksa letak jawatan ekoran keputusan peperiksaan

Enggan beri markah kasihan

Oleh HISHAM IDRIS
hisham.idris@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Gara-gara hanya meluluskan empat daripada 157 pelajar jurusan undang-undang, seorang pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendakwa 'dipaksa' meletakkan jawatan demi menjaga reputasi universiti.

Nor (bukan nama sebenar) memberitahu, punca peletakan jawatannya adalah kerana tidak tahan lagi menerima tekanan supaya mengikut kehendak universiti dalam pemberian 'markah kasihan'.

"Bagaimana hendak memberi markah jika itu merupakan markah sebenar yang mereka peroleh. Malah saya sudah memberi markah yang boleh diberikan meskipun mereka (pelajar) tidak layak mendapatnya," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di rumahnya di Ampang semalam.

Menurut Nor, 35, pemberian markah itu melibatkan pelajar dua kursus berlainan semester dua sesi akademik 2007/2008 lepas.

Menceritakan apa yang dilaluinya, Nor berkata, ia bermula apabila dia diberikan surat penjelasan mengenai kegagalan pelajarinya pada Jun lalu melalui dekan fakulti terlibat.

Kerana kegagalan para pelajar itu, dia kemudian dikritik hebat oleh pihak atasan dan mereka mahu dia menambah markah termasuk memberikannya berdasarkan kehadiran pelajar ke kelas sepanjang tahun semata-mata mahu mengurangkan jumlah pelajar yang gagal.

"Tapi saya berkeras. Mana boleh saya beri markah cara demikian sedangkan itu memang tanggungjawab wajib mereka untuk hadir ke kelas," ujarnya yang menjadi pensyarah di universiti itu sejak Disember 2007.

Tambah Nor, pelajar terlibat bukan sahaja tidak menjawab soalan tetapi turut gagal mengarang esei dalam bahasa Inggeris.

Apa yang dikesali, katanya, dia juga dipersalahkan kerana ada pihak mendakwa kegagalan pelajar turut berpunca daripada pendekatan dan keberkesananannya mengajar di dalam kelas.

"Kenapa saya perlu jadi 'kambing hitam' dalam kes ini sedangkan para pelajar gagal bukan disebabkan saya gagal mengajar dengan baik.

"Malah sebelum peperiksaan menjelang saya sudah memberikan tip soalan-soalan akan keluar tetapi mereka (pelajar) masih gagal menjawab dengan baik," ujarnya.

Bagaimanapun, dia mendakwa

Eksklusif



PINTU masuk utama ke Kolej Universiti Islam Malaysia yang kini dikenali sebagai USIM di Nilai, Negeri Sembilan.

ada di kalangan pensyarah di universiti berkenaan bertindak mengikut arahan dengan memberikan 'markah kasihan' semata-mata mahu menjaga kedudukan universiti itu.

Tidak tahan dengan tekanan yang diberikan oleh pihak pentadbiran universiti, akhirnya Nor meletakkan

jawatan pada 18 Disember 2008.

Namun selang dua minggu selepas itu, dia berhasrat menarik kembali surat peletakan jawatan tetapi pihak pentadbiran universiti menolak permohonannya itu.

Jelasnya, dia kemudian melaporkan perkara tersebut kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

namun sehingga kini tiada maklum balas mengenainya.

Sementara itu, pihak USIM ketika dihubungi enggan mengulas lanjut mengenai isu membabitkan bekas pensyarahnya itu kerana menganggap ia sudah selesai baik di peringkat universiti itu sendiri dan KPT.

Tolak 'markah kasihan' – Pelajar

KUALA LUMPUR – Budaya memberi 'markah kasihan' merupakan punca kelahiran graduan tidak berkualiti.

Demikian pendapat wakil pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammed Alif Ismail, 24, yang menganggap budaya 'markah kasihan' tidak elok demi masa depan graduan.

"Memang wujud amalan ini di mana-mana pusat pengajian tinggi. Ia dilakukan semata-mata untuk membantu pelajar yang ingin lu-



lus dalam sesuatu mata pelajaran selain memelihara kewibawaan institusi pengajian berkenaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan sebuah pusat pengajian tinggi yang didakwa memberi surat tunjuk sebab kepada seorang pensyarahnya kerana tidak memberi 'markah kasihan' menyebabkan ramai pelajarinya gagal peperiksaan.

Muhammed Alif menambah,

sama ada pusat pengajian itu ialah awam atau swasta, budaya itu patut dihapuskan bagi menghasilkan graduan.

Sementara itu, bekas pelajar cemerlang institut pengajian tinggi swasta, Hidayatul Akmal Ahmad, (**gambar**) 24, berpendapat amalan 'markah kasihan' tidak perlu diperluaskan.

"Setiap pelajar di IPT perlu tahu tugas dan tanggungjawab masing-masing. Sementara kakitangan pengajar pula kena ada garis panduan atau kaedah membantu pelajar bagi memastikan mereka mendapat markah yang tinggi," ujarnya.